

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKE 212 – Makroekonomi 1

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

JAWAB SEMUA SOALAN.

Anda dikehendaki menulis di tempat yang disediakan.

1. (a) Nyatakan tiga keadaan yang membolehkan sesuatu barang atau perkhidmatan dimasukkan dalam pengiraan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar).

(6 markah)

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

- (b) Di bawah ialah DUA permasalahan dalam pengiraan pendapatan negara. Jelaskan secara ringkas.

(4 markah)

(i) Pengiraan dua kali

(ii) Pasaran gelap

(c) Takrifkan dasar ekonomi terbuka.

(2 markah)

(d) Apakah yang dimaksudkan dengan imbalan pembayaran bagi sesebuah negara?

(2 markah)

(e) Apakah yang ditunjukkan oleh kadar pertukaran asing?

(2 markah)

2. Anda di kehendaki mengisi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.
- (a) Kedudukan keluk permintaan matawang asing adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti Y (pendapatan Negara), eP^*/P (harga relatif import), r^*/r (kadar bunga negara asing relatif kepada kadar bunga domestik) dan q^*/q (kadar keuntungan negara asing, relatif kepada kadar keuntungan domestik). Hubungan permintaan matawang asing dengan pembolehubah-pembolehubah tersebut boleh di tulis seperti berikut:-
- (i) semakin tinggi paras Y , semakin _____ permintaan import untuk setiap paras e (kadar pertukar asing).
- (ii) Diberi e dan P ; lebih _____ P^* (harga asing) lebih banyak permintaan import.
- (iii) Lebih tinggi r^* relatif kepada r , lebih _____ permintaan matawang asing.
- (iv) Lebih _____ q^* relatif kepada q lebih banyak permintaan matawang asing.
- (4 markah)
- (b) Akaun _____ adalah sebahagian daripada imbangan pembayaran yang terdiri daripada aliran keluar masuk barangan dan perkhidmatan dan bayaran pindahan antara negara.
- (1 markah)
- (c) Akaun _____ adalah sebahagian daripada imbangan pembayaran yang terdiri daripada pelaburan asing jangka panjang dan jangka pendek.
- (1 markah)

- (d) Berdasarkan Teori Kewangan Keynes, permintaan wang (pegangan wang) di bahagikan kepada dua motif iaitu motif _____ dan motif _____. Jumlah pegangan wang motif _____ bagi setiap individu berkadar _____ dengan pendapatan. Bahagian kedua dalam pegangan wang Keynes berhubung kait dengan perubahan _____.

(5 markah)

3. Soalan 3 berdasarkan maklumat yang diberi.

Andaikan

$$\begin{aligned}C &= 200 + 0.8 Y_d \\I &= 400 \\T &= \bar{T} \\G &= 350\end{aligned}$$

- (a) Dapatkan nilai pendapatan (Y) dalam sebutan \bar{T}

(2 markah)

- (b) Dapatkan nilai C sekiranya \bar{T} di beri nilai 50 dan Y ialah 1000

(2 markah)

- (iii) Cari nilai perubahan bagi kedua-dua alat dasar (T) dan (G) sekiranya kerajaan memilih untuk menggunakan kedua-duanya serentak (andaikan perubahan $G =$ perubahan T).

(2 markah)

- (e) Dalam soalan (d) di atas, mana-mana cara yang dipilih kerajaan untuk meningkatkan Y sebanyak 400, kerajaan berhadapan dengan imbalan belanjawan tidak seimbang, iaitu $B > 0$ atau $B < 0$. Terangkan apa akan berlaku kepada nilai pendapatan (Y) sekiranya kerajaan memilih dasar mengimbangkan belanjawan, iaitu $B = 0$.

(3 markah)

- (f) Seandainya cukai selambak di gantikan dengan cukai berkadaran $T = \bar{T} + tY$. Pada dasarnya nilai pengganda cukai selambak dan cukai berkadaran berbeza. Jelaskan perbezaan ini dan bandingkan kesan perbezaan ini ke atas keberkesanan mengubah pendapatan negara.

(3 markah)

(g) Dengan menggunakan maklumat dalam soalan 3. Andaikan ekonomi berkembang kepada empat sektor di mana eksport (X) dan import (M) adalah bersifat autonomos

(i) Cari nilai penganda import

(2 markah)

(ii) Cari nilai perubahan pendapatan negara (Y) sekiranya import autonomos meningkat kepada 100

(2 markah)

(h) Dengan menggunakan maklumat dalam soalan 3. Andaikan ekonomi yang berkembang kepada empat sektor ini berhadapan dengan fungsi import berkadaran (mY) dan menjadikan import (M) sebagai $M + mY$

(i) Cari nilai penganda import sekiranya mY ialah $0.2Y$

(2 markah)

(ii) Cari nilai pendapatan negara (Y) sekiranya import meningkat kepada 100

(2 markah)

(i) Pada dasarnya nilai penganda bagi import autonomos dan import berkadaran berbeza. Bincangkan secara ringkas perbezaan ini serta kesannya ke atas keberkesanan mengubah nilai pendapatan negara.

(3 markah)

4. Andaikata anda mempunyai bon bernilai RM1,000,000.00 yang menawarkan kadar pulangan tetap RM10,000.00 setahun dengan tarikh matang bon 5 tahun. Sekiranya pada tahun kedua anda hendak menjual bon tersebut.

(a) Adakah anda berjaya menjualnya dengan harga yang sama sekiranya kadar bunga dipasaran/semasa ialah 5 peratus? Jelaskan mengapa. (Tunjukkan pengiraannya).

(3 markah)